

## SOROTAN LITERATUR KAJIAN PENENTUAN STATUS MUALAF KEPADA MUKALAF DI MALAYSIA

Azman Ab Rahman<sup>i</sup>, Nurul Shazwani Nordin<sup>ii</sup>, Nur Ain Syafiqah Rahmat<sup>iii</sup>,  
Muhammad Faiz Abd Shakor<sup>iv</sup> & Mohamad Anwar Zakaria<sup>v</sup>

<sup>i</sup>Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, azman@usim.edu.my

<sup>ii</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, waninordin.work@gmail.com

<sup>iii</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, ainrahmat@gmail.com

<sup>iv</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, faizshakorkisas@gmail.com

<sup>v</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, anwarzakaria8055@gmail.com

---

### ABSTRAK

Pemelukan agama Islam dalam kalangan mualaf meningkat saban tahun. Perkembangan ini amat baik dan menunjukkan Islam agama yang rahmah dan sesuai sepanjang zaman. Istilah mualaf atau saudara baharu sering digunakan oleh masyarakat atau agensi yang mengurus, membimbing dan menjaga kebajikan mualaf. Kini, timbul persoalan tentang status mualaf kepada mukalaf yang perlu dikaji dan diteliti secara terperinci. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kajian-kajian lepas yang berkaitan penentuan status mualaf kepada mukalaf di Malaysia. Kajian ini juga akan menganalisis sorotan literatur berkaitan kajian penentuan status mualaf kepada mukalaf di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan kaedah perpustakaan dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa keperluan kajian yang terperinci berkaitan kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada institusi-institusi pengurusan zakat di Malaysia. Keperluan bagi mewujudkan sebuah kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf juga menjadi titik tolak kepada pembangunan mualaf ke arah menjadi seorang Muslim yang sejati.

**Kata kunci:** Status, Mualaf, Mukalaf

---

### PENDAHULUAN

Realiti dan senario semasa menunjukkan bahawa bilangan mualaf semakin bertambah di pelusuk dunia termasuk di Malaysia. Ini jelas menggambarkan bahawa agama Islam semakin diterima oleh orang bukan Islam dan ini dibuktikan dengan penambahan bilangan mualaf dari masa ke semasa di negara-negara bukan Islam dan sebagainya. Di Malaysia juga bilangan mualaf semakin meningkat hasil daripada usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh agensi-agensi berwajib, para pendakwah termasuk juga individu-individu tertentu yang tidak berhenti-henti melakukan khidmat untuk agama. Perkembangan ini amat baik dan positif yang memerlukan satu sinergi bersama dalam membimbing dan menguruskan mereka yang bergelar mualaf ini.

Umumnya, terdapat pelbagai latar belakang para mualaf ini khususnya dalam konteks kefahaman mereka berkaitan agama Islam. Sebahagian daripada mereka sudah mempelajari Islam sebelum mengucap dua kalimah syahadah, manakala sebahagian yang lain hanya mengenali Islam secara umum sahaja. Kefahaman yang berbeza ini memerlukan kepada bimbingan dan pengajian yang berterusan bagi memastikan mereka faham dan jelas tentang Islam seterusnya kekal bersama Islam. Perbezaan kefahaman ini juga menimbulkan persoalan dalam kalangan mereka berkaitan isu penggunaan istilah mualaf, saudara baharu, saudara kita dan sebagainya. Isu yang timbul ini perlu diselesaikan secara rahmah dan hikmah bagi mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap agama Islam itu sendiri. Antara penyelesaian isu-isu di atas ia boleh dilihat dalam konteks penentuan status mualaf kepada mukalaf. Kajian ini akan memfokuskan kepada sorotan literatur berkaitan penentuan status mualaf kepada mukalaf di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada majalah, buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan membuat perbandingan antara pendapat yang berbeza berkaitan kajian yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan dan cadangan terhadap maklumat dan hasil kajian yang telah dijalankan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kajian berkaitan penentuan status mualaf kepada mukalaf adalah amat penting kerana berkait rapat dalam pengurusan mualaf yang melibatkan isu kefahaman agama Islam, isu pemberian dana zakat, isu had tempoh mualaf dan isu-isu lain. Maka kajian literatur ini akan merangkumi empat aspek utama iaitu definisi mualaf, had tempoh seorang mualaf, definisi mukalaf dan syarat sah seseorang mukalaf.

Buku yang ditulis oleh Azman Ab Rahman dan Hasanah Abd Khafidz yang bertajuk *Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Agihan Zakat Di Malaysia (2015)* ada membincangkan definisi mualaf dari sudut empat mazhab dan para ulama kontemporari iaitu Wahbah al-Zuhaili, Yusuf al-Qardhawi, Umar al-Asyqar dan Mustafa al-Khin, penulis mendapati bahawa ulama menekankan unsur keagamaan dengan wujudnya objektif pengagihan zakat untuk melembutkan hati dan menguatkan iman. Namun tiada fuqaha yang mengaitkan pentafsiran mualaf dengan unsur harta iaitu sama ada seseorang mualaf itu fakir, miskin ataupun kaya. Mereka mempunyai hak yang sama untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf mualaf. Hal ini sejajar dengan matlamat pemberian zakat kepada mualaf yang lebih menumpukan kepada urusan menguatkan Islam dan keislaman seseorang berbanding masalah kemiskinan dalam kalangan mualaf.

Abdul Ghafar Hj. Don, Anuar Puteh dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2017) dalam artikelnya yang bertajuk *Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru* menyatakan bahawa masyarakat Malaysia umumnya menggelar orang yang baharu memeluk Islam sebagai mualaf. Ada ketikanya mereka ini digelar 'saudara baharu' iaitu gelaran yang lebih umum bagi orang-orang Cina, India dan bangsa-bangsa lain yang memeluk agama Islam.

Artikel bertajuk *Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia* yang dikaji oleh Azman Ab Rahman, Mohd Nuradli Ridzwan Shah, Rose Irnawaty dan Ibrahim, Norlina Ismail (2015) mendapati bahawa ulama-ulama terdahulu tidak meletakkan had tempoh tertentu bagi seseorang yang baharu memeluk agama Islam digelar sebagai mualaf. Dalam konteks Malaysia pula, tiada keselarasan yang diberikan bagi had tempoh mualaf antara negeri-negeri di Malaysia. Seseengah negeri ada menetapkan had tempoh dan terdapat juga negeri yang tidak menetapkan had tempoh.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Harun Arrashid bin Bukhari (2017) yang bertajuk *Hakikat Mualaf Yang Layak Menerima Zakat (Analisis Pendapat Ibnu Qudamah dan Pendapat Imam Nawawi)* menyatakan bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha berkaitan kelayakan penerimaan zakat bagi golongan asnaf mualaf setelah pegangan Islam mereka menjadi kuat.

Kajian yang dilakukan oleh Othman Sahalan & Luqman Haji Abdullah (2014) yang bertajuk *Pengurusan Zakat Asnaf Mualaf Di Negeri Johor: Satu Sorotan* menyatakan tentang definisi golongan mualaf perlu disukat dan diukur sehingga mereka memiliki iman yang mantap dan tidak lagi mengharap agihan asnaf yang diperuntukkan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Maryani et. al. (2014) yang bertajuk *Taklif Dan Mukallaf Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bantani* menyatakan bahawa seseorang

yang baharu memeluk agama Islam serta dalam proses mempelajari pengetahuan Islam sehingga mempunyai pegangan yang teguh terhadap ajaran agama Islam digelar sebagai mualaf. Dalam tempoh gelaran mualaf itu, wajib bagi mereka mempelajari agama Islam secara berterusan.

Kajian Rahisam Ramli (2013) yang bertajuk Mekanisme Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa menyatakan bahawa mekanisme agihan zakat mualaf perlu selaras dengan objektif pengagihan zakat iaitu kekuatan pegangan akidah, pemahaman terhadap syariat Islam dan pengamalan akhlak sebagai seorang Islam.

Al-Zarkasyi dalam bukunya *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh* (1992) menjelaskan definisi mukalaf adalah seorang yang dituntut untuk melakukan sama ada perintah dan larangan atau pilihan untuk melakukannya. Mukalaf hendaklah seorang yang baligh, berakal dan telah sampai dakwah dan mempunyai keahlian bagi melaksanakan sesuatu yang ditaklifkan.

Al-'Arabi dalam bukunya *Mahsul Fi Usul Fiqh* (1999) menyatakan syarat mukalaf ialah baligh dan seiring dengan berakal. Dua perkara yang menentukan seseorang itu telah baligh iaitu *al-sin* (mencapai umur) dan *al-ihtilam* (mimpi basah). Manakala berakal pula adalah seseorang yang *mumayyiz* di dalam fikirannya *al-zuhul* (tidak gelap) dan *al-nisyan* (tidak lupa). Seseorang yang berakal juga mampu membezakan hak dan batil serta menuruti apa yang dapat seseorang itu bezakan.

Menurut Al-Amidi dalam kitabnya *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam* (1967) menyatakan seseorang mukalaf yang berakal mengetahui akan kewujudan Allah dan wajib mentaati perintah Allah. Beliau juga menyatakan tidak sah tuntutan hukum taklif bagi seseorang yang tidak bernyawa, haiwan, orang gila dan kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* kerana akal yang belum sempurna.

Menurut Al-Ghazali dalam bukunya *Al-Mustafa Min 'Ilmi Al Usul* (1997) menyatakan bahawa mukalaf hendaklah meliputi 3 syarat sah iaitu baligh, berakal dan faham. Manakala taklif memerlukan kepatuhan dan syarat berniat adalah memahami akan taklif tersebut.

Buku Ibn Qudamah iaitu *Raudhah an-Nazir Wa Jannah Al-Manazir Fil Usul Al-Fiqh Ala Mazhab Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal* (1993) menerangkan walaupun kanak-kanak yang telah *mumayyiz* memahami setiap apa yang tidak difahami oleh anak yang tidak *mumayyiz*, pemahamannya itu tidaklah selengkap pemahaman orang yang telah mempunyai akal yang sempurna.

## ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Hasil tinjauan literatur yang telah dilakukan mendapati bahawa kajian lepas syarat penentuan seseorang sebagai mukalaf memerlukan kepada kaedah pengukuran bagi menentukan seseorang itu adalah mukalaf atau sebaliknya. Sorotan kajian terdahulu berkaitan definisi mualaf dari sudut empat mazhab, tafsiran kontemporari, dalam konteks Malaysia, had tempoh seorang mualaf, definisi mukalaf dan pandangan fuqaha tentang syarat sah mukalaf sebagaimana dinyatakan berikut:

Jadual 1: Sorotan Literatur Kajian Penentuan Status Mualaf Kepada Mukalaf

Bil.	Penulis	Perbincangan/ Hasil Kajian
1.	Azman Ab. Rahman & Hasanah Abd Khafidz 2015	Definisi mualaf dari sudut empat mazhab dan para ulama kontemporari.
2.	Abdul Ghafar Hj. Don et. al. 2017	Gelaran mualaf dalam masyarakat Malaysia terhadap orang yang baharu memeluk agama Islam adalah 'saudara baharu'.

- 
- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 3.  | Azman Ab. Rahman et. al. 2015              | Ketiadaan penetapan had tempoh tertentu oleh ulama terdahulu bagi seseorang yang baharu memeluk agama Islam digelar sebagai mualaf.<br>Ketiadaan keselarasan yang diberikan bagi had tempoh mualaf antara negeri-negeri di Malaysia. |
| 4.  | Harun Arrashid Bukhari 2017                | Perbezaan pendapat di kalangan fuqaha berkaitan kelayakan penerimaan zakat bagi golongan asnaf mualaf.   |
| 5.  | Othman Sahalan & Luqman Haji Abdullah 2014 | Keperluan mengukur definisi golongan mualaf.   |
| 6.  | Maryani et. al. 2014                       | Keperluan seorang mualaf perlu mempelajari agama Islam secara berterusan dalam tempoh mualaf.  |
| 7.  | Rahisam Ramli 2013                         | Keperluan kepada keselarian di antara pengagihan zakat mualaf dengan objektif pengagihan zakat.  |
| 8.  | Al-Zarkasyi 1992                           | Pengertian mukalaf menurut ulama terdahulu.  |
| 9.  | Al-'Arabi 1999                             | Penetapan syarat sah mukalaf ialah baligh seiring dengan berakal.  |
| 10. | Al-Amidi 1967                              | Ketidaksahan tuntutan hukum taklif terhadap seseorang yang tidak bernyawa, haiwan, orang gila dan kanak-kanak.   |
| 11. | Al-Ghazali 1997                            | Penetapan syarat sah mulakaf ialah berakal, baligh dan faham terhadap hukum taklif.  |
| 12. | Ibn Qudamah 1993                           | Tahap kefahaman kanak-kanak yang belum mumayyiz.   |
- 

Sumber: Pengkaji 2019

Berdasarkan jadual 1 di atas, kajian lepas lebih khusus membincangkan tentang definisi mualaf, had tempoh seorang mualaf, definisi mukalaf serta syarat sah mukalaf. Penulis mendapati bahawa kajian khusus yang menyentuh tentang kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf masih kurang dikaji dan didapati. Justeru kajian yang memfokuskan kepada kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf adalah wajar dijalankan oleh pihak yang berwajib dan para pengkaji.

## **PENUTUP**

Kajian sorotan literatur berkaitan penentuan status mualaf kepada mukalaf dilihat amat penting kerana ia boleh membantu dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan pengurusan mualaf. Ia juga merupakan elemen yang sangat penting dalam menilai tahap kefahaman mualaf terhadap agama Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa keperluan kajian yang terperinci penentuan status mualaf kepada mukalaf yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada institusi-institusi pengurusan zakat di Malaysia. Keperluan bagi mewujudkan sebuah kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf juga menjadi titik tolak kepada pembangunan mualaf ke arah menjadi seorang Muslim yang sejati. Kewujudan kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf secara tidak langsung dapat melestarikan pengurusan zakat di Malaysia terhadap asnaf mualaf mengikut had tempoh yang ditetapkan khususnya bagi menilai tahap kelayakan seseorang mualaf untuk menerima bantuan zakat yang disediakan di setiap negeri di Malaysia berdasarkan perkembangan semasa dan setempat.

## **RUJUKAN**

Abdul Ghafar Hj. Don, Anuar bin Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2017) "Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru" di dalam *Dakwah Pelbagai Dimensi*. Abdul

- Ghafar Hj. Don & Ahmad Irdha Mokhtar (Penyunting). Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P. 102-110.
- Al-‘Arabi, Abu Bakr. (1999). *Mahsul Fi Usul Fiqh*. Beirut: Dar al-Biyaraq. P. 23.
- Al-Amidi, Saifuddin Abi al-Hasan Ibn Abi Ali Ibn Muhammad. (1967). *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*. Vol. 1, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiah. P. 129.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (1997). *Al-Mustafa Min ‘Ilmi Al Usul*. Vol. 1, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. P. 285.
- Al-Zarkasyi, Muhammad Ibn Bihadir Ibn Abdullah. (1992). *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh*. Vol. 1, Hurgada: Dar al-Sofwah. P. 344.
- Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz. (2015). *Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). P. 75-87.
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 6*, 39-63.
- Harun Arrashid Bin Bukhari (2015). Hakikat Muallaf yang Layak Menerima Zakat (Analisis Pendapat Ibnu Qudamah dan Pendapat Imam Nawawi). Banda Aceh: Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Darussalam.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad. (1993). *Raudhah an-Nazir Wa Jannah Al-Manazir Fil Usul Al-Fiqh Ala Mazhab Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Vol. 1, Riyadh: Maktabah Al-Rushd. P. 220.
- Maryani, S. Ag, MHI. (2014). Taklif dan Mukallaf Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi. *Jurnal Pendidikan dan Hukum Islam, Vol 8*.
- Othman Sahalan & Luqman Haji Abdullah (2014). Pengurusan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Johor: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh, No.11*.
- Rahisam Ramli. (2013). Mekanisme Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa. *Proceedings of World Universities’ Islamic Philanthropy Conference*. Disember 2013